

BAB KEEMPAT

PERBANDINGAN ANTARA ALIRAN NAHU KUFAH

DENGAN ALIRAN-ALIRAN NAHU YANG LAIN

4.1 Pendahuluan

Setelah kita mengetahui serba sedikit tentang pembentukan dan aspek-aspek Aliran Nahu Kufah, adalah elok kita melihat pula perbezaan atau persamaan aliran ini dengan aliran-aliran nahu yang lain sebelum kita melihat kesesuaianya dalam proses pengajian bahasa Arab di negara ini. Selain Aliran Nahu Kufah, terdapat tiga lagi aliran nahu dalam bahasa Arab iaitu Aliran Nahu Basrah, Aliran Nahu Baghdad (Nahu Baghdad) dan Aliran Nahu Andalus (Nahu Andalus).

4.2 Aliran Nahu Basrah

Menurut buku “ *al-Mu’jam al-Mufassal Fi al-Lughat Wa al-Adab* ” (Dr. Mitsyil ‘Asi dan Dr. Imīl Bādī’ Ya’qūb, 1987 : 2 / 1129) ; “ Perbincangan tentang Aliran Nahu Basrah merupakan perbincangan tentang nahu bahasa Arab semenjak pertumbuhannya. Hal ini kerana nahu bahasa Arab bermula di Basrah sebelum munculnya Aliran Nahu Kufah pada pertengahan kurun ke-2 Hijrah.

Ulamak-ulamak aliran ini telah berusaha menjadikan nahu bahasa Arab sebagai suatu ilmu yang tersusun. Justeru itu, mereka tidak mengiktiraf bukti-bukti bahasa yang *syādh* dan menolak penghujahan berdasarkan hadith-hadith Nabi s.a.w. di samping meletak syarat-syarat yang ketat dalam periwayatan puisi. Mereka hanya mengambil bukti-bukti bahasa yang tersebar luas sebagai asas dalam pembinaan

kaedah nahu mereka. Dalam hal ini, apabila terdapat bukti bahasa yang kurang popular mereka akan mengikuti salah satu daripada dua perkara berikut iaitu :-

- 1) Mentakwilkan bukti bahasa tersebut agar bersesuaian atau bertepatan dengan kaedah nahu mereka.
- 2) Menganggap bukti bahasa tersebut sebagai syâdh atau bukti bahasa yang hanya perlu dihafal tetapi tidak boleh dijadikan sebagai qiyâs.

Oleh itu, aliran nahu ini lebih mengutamakan al-qiyâs berbanding al-samâ' dalam pembinaan kaedah nahu mereka. Antara tokoh utama Aliran Nahu Basrah ialah Ibnu Abî Ishâq al-Hadramîy, 'Isâ bin 'Umar al-Thaqafîy, Abû 'Amr bin al-'Allâ', Yûnus bin Hâbib, al-Khalîl bin Ahmad, Sîbawayh, al-Mazinîy, al-Mubarrid, al-Zujjâj, Ibnu al-Sarrâj dan lain-lain lagi".

4.2.1 Contoh-Contoh Pertelingkahan Antara Aliran Nahu Kufah Dengan

Aliran Nahu Basrah

Sebelum kita melihat contoh-contoh pertelingkahan antara dua aliran nahu tersebut, perlu dijelaskan di sini bahawa pertelingkahan tersebut hanya berlaku pada perkara-perkara cabang dalam ilmu nahu. Al-Imâm Kamâluddîn al-Anbâriy dalam bukunya al-Insâf Fî Masa'il al-Khilâf telah mengemukakan 121 contoh pertelingkahan yang berlaku. Antara contoh pertelingkahan yang dianggap penting untuk kajian ini ialah seperti berikut :-

1) Kata Dasar Bagi Kata Terbitan [contoh yang ke-28]

Menurut al-Anbārīy (1961 : 1 / 235) ; " Ulamak-ulamak Nahu Kufah mengatakan bahawa masdar (مَصْنُور - Kata Sumber) adalah kata terbitan dan cabang daripada kata kerja. Contohnya, (ضَرَبَ ضَرَبْنَا وَكَلَمَ قَيَّامًا). Sementara, ulamak-ulamak Nahu Basrah menganggap bahawa kata kerja adalah kata terbitan dan cabang daripada masdar ".

Kenyataan daripada al-Anbārīy ini bermakna bahawa kata dasar atau asal bagi suatu kata terbitan adalah kata kerja (yakni al-Fi'l al-Mādī) di sisi ulamak-ulamak Nahu Kufah dan bagi ulamak-ulamak Nahu Basrah pula, masdar adalah kata dasar bagi kata terbitan termasuk kata kerja itu sendiri.

2) 'Atf Ke Atas al-Damīr al-Makhfūd Tanpa Diulang Harf al-Khafḍ [65]

Seperti yang dinyatakan sebelum ini (lihat 3.1.1), ulamak-ulamak Nahu Kufah berpendapat bahawa 'atf ke atas al-Damīr al-Makhfūd tanpa diulang harf al-khafḍ adalah harus berdasarkan beberapa bukti, antaranya firman Allah Ta'āla mengikut bacaan Imām Ḥamzat (Al-Nisā' : 1) :-

(وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاوَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامُ) dan bait puisi :-

فَالْيَوْمَ قَرِبْتَ تَهْجُونَا وَشَنَّتْمَا فَلَذْهَبَ فَمَا بِكَ وَالْأَيَامُ مِنْ عَجَبٍ

Namun begitu, ulamak-ulamak Nahu Basrah tidak mengharuskan perkara tersebut kecuali dengan syarat harf al-jarr (حَرْفُ الْجَرِ - agen genetif) hendaklah diulangi semasa 'atf seperti contoh berikut :-

Pendapat ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah ini turut disokong oleh Ibn Hisyām (Awḍah al-Masālik, T. T. : 3 / 392) yang menyebut bahawa ; " Pendapat ulamak-ulamak Nahu Basrah tersebut bukanlah sesuatu yang menjadi kelaziman ".

Dalam hal ini, Ibn Mālik menyebut :-

وَعَوْذُ خَالِصٍ لَدِي عَطْفٍ عَلَى ضَمِيرٍ خَفْضٍ لَا زِمَّا قَدْ جَعَلَ

وَلَئِنْسَ عَنْدِي لَا زِمَّا إِذْ قَدْ أَتَى فِي النَّظَمِ وَالنُّثُرِ الصَّحِيفَ مُتَبَّتاً

(Lihat, Ibn 'Aqīl, Syarḥ Ibn 'Aqīl, 1988 : 219)

3) 'Atf Ke Atas al-Damīr al-Marfu' al-Muttasīl [66]

Menurut al-Anbārī (1961 : 2 / 474) ; " Ulamak-ulamak Nahu Kufah berpendapat bahawa 'atf ke atas al-Damīr al-Marfu' al-Muttasīl (الضَّمِيرُ المَرْفُوعُ الْمُتَصَلُّ) diharuskan secara pilihan seperti contoh :- (قُنْتُ وَزَيْدٌ), manakala ulamak-ulamak Nahu Basrah tidak mengharuskannya kecuali dalam puisi ".

Ulamak-ulamak Nahu Kufah mengatakan pengharusannya adalah secara pilihan kerana mereka juga mengharuskan 'atf ke atas al-Damīr al-Marfū' al-Muttasil dengan cara adanya fāsil (فَاصِل - pemisah) antara ganti nama tersebut dengan kata nama selepasnya (seperti yang disyaratkan oleh Aliran Nahu Basrah) seperti dalam contoh berikut :- (قُمْتُ أَنَا وَزَيْدٌ).

Menurut Muhammed Mahyuddin, editor kitab Awdah al-Masalik (Ibn Hisyām, T. T. : 3 / 392), Ibn Mālik dalam kitabnya Syarh al-Tashīl sependapat dengan ulamak-ulamak Nahu Kufah dalam masalah ini. Antara hujah yang dikemukakan oleh Ibn Mālik ialah ungkapan orang-orang Arab sebagaimana yang diriwayatkan oleh Sibawayh (Kitāb Sibawayh, 1988 : 2 / 31) :-

(مَرَّتْ بِرَجْلِ سَوَاءِ وَالْعَدْمُ) dan juga bait puisi daripada Jarīr :-

* قُلْتُ إِذْ أَقْبَلْتُ وَزَهْرَ تَهَادِي *

Oleh itu, Muhammed Mahyuddin membuat rumusan bahawa ; " Pendapat daripada ulamak-ulamak Nahu Kufah ini adalah pendapat yang terpilih ".

4) Idāfat Kata Nama Kepada Kata Nama Yang Bersamaan Makna [61]

" Ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah mengharuskan idāfat suatu kata nama kepada suatu kata nama lain yang sama makna dengannya dengan syarat kedua-dua

kata nama tersebut berbeza dari sudut lafaz, manakala ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah menegahnya " (Al-Anbārī, 1961 : 2 / 436).

Banyak contoh yang telah dikemukakan oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah, antaranya firman Allah Ta'āla (Al-Waqi`at : 95) :- (إِنَّ هَذَا لَهُوَ حَقُّ الْيَقِينِ) dan firman-Nya lagi (Yūsuf : 109) :- (وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ).

Menurut Ahmad Dirāt (1991 : 363), pendapat ulamak-ulamak Nahu Basrah yang menganggap kata nama yang menjadi Mudaf Ilayh (مُضَافٌ إِلَيْهِ) -

Kata Nama Sandaran) seperti (الْيَقِينِ) dan (الْآخِرَةِ) dalam firman Allah di atas tadi sebenarnya adalah kata sifat yang mengganti tempat Mudaf Ilayh yang digugurkan, menurut beliau ; " Pendapat tersebut jauh daripada ruh bahasa Arab kerana memerlukan kepada pentakwilan ".

Dalam hal ini, al-Asymūnī (Al-Šabbān, Ḥasyiat al-Šabbān, T. T. : 2 / 250) menyebut ; " Ibn Mālik dalam kitabnya Syarḥ al-Tashīl pada zahirnya bersetuju dengan pendapat ulamak-ulamak Nahu Kufah ".

5) Huruf " Lam " Yang Pertama Pada Kalimah " La`alla " [26]

" Menurut ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah, huruf " Lam " yang pertama pada kalimah " la`alla " (لَعْلَةً) adalah huruf asal, manakala ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah mengatakan huruf tambahan " (Al-Anbāriy, 1961 : 1 / 218).

Dalam hal ini, Ibn Manzūr (Lisan al-'Arab, T. T. : 4 / 3082) meriwayatkan pendapat Sibawayh yang menganggap ; " Kedua-dua perkataan tersebut masing-masing merupakan dua kalimah yang berlainan ".

Perkara yang sama juga ditegaskan oleh Ahmad Dirāt (1991 : 373) yang mengatakan bahawa ; " Pendapat ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah adalah kurang tepat kerana kalimah (عَلَةً) dan (لَعْلَةً), masing-masing adalah dua dialek yang berlainan ... ".

Oleh itu, setelah mengemukakan hujah kedua-dua belah pihak, al-Anbāriy (1961 : 1 / 224) merumuskan bahawa ; " Pendapat yang sahih dalam masalah ini ialah pendapat daripada ulamak-ulamak Nahu Kufah ".

6) Nasib al-Fi'l al-Mudāri' Selepas Lam al-Ta'līl [79]

Seluruh ulamak nahu bersepakat bahawa al-Fi'l al-Mudāri' yang terletak selepas Lam al-Ta'līl (- لَامُ التَّعْلِيلِ) " Lam " Keterangan Sebab) mesti dibaca

dengan nasb. Yang hanya menjadi pertikaian ialah al-Nāsib (الناصِبُ) - agen akusatif) kepada fenomena nasb tersebut.

“ Ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa al-Nāsib kepada al-Fi'l al-Mudāri' tersebut ialah Lām al-Ta'līl atau juga disebut sebagai Lām Kay (لَامْ كَيْ), seperti contoh :- (جِنْتَكَ لِتُكَرِّمَنِي) , manakala ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah mengatakan bahawa al-Nāsib tersebut ialah (أَنْ) yang tersembunyi selepas Lām al-Ta'līl tersebut ” (1961 : 2 / 575).

7) Al-'Atf Kepada Ism “ Inna ” Dengan Marfu’ Sebelum

Khabar “ Inna ” [23]

Menurut al-Anbāriy (1961 : 1 / 185); “ Ulamak-ulamak Nahu Kufah mengharuskan 'atf ke atas Ism “ Inna ” - اسْمُ إِنْ (Kata Nama “ Inna ”) yang

terletak sebelum Khabar “ Inna ” - خَبَرُ إِنْ (Predikat “ Inna ”) secara marfu’ ...

seperti contoh (إِنْ زَيْدًا وَعَمْرًا وَقَائِمَانِ) dan (وَإِنْكَ وَبَكْرٌ مُنْطَلِقَانِ), manakala ulamak-ulamak Nahu Basrah menegahnya kecuali 'atf tersebut secara mansub ”.

Dalam hal ini, setelah mengemukakan hujah kedua-kedua belah pihak, Ahmad Dirat (1991 : 415) akhirnya membuat kesimpulan bahawa ; “ Pendapat daripada ulamak-ulamak Nahu Kufah di atas tadi dianggap sahik kerana terdapat banyak bukti bahasa yang boleh menguatkan pendapat tersebut. Tambahan pula, pendapat ulamak-ulamak Nahu Basrah dalam masalah ini menyusahkan dan memerlukan kepada pentakwilan ”.

8) Tawkid Ism al-Nakirat Secara Maknawi [63]

“ Ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa harus melakukan Tawkid ke atas Ism al-Nakirat (اسم النكير - Kata Nama Am) apabila kata nama

tersebut memberi makna yang terhad seperti contoh berikut :-

(قَعْدَتْ يَوْمًا كُلَّهُ ، وَقَمَتْ لَيْلَةً كُلَّهَا). Manakala, ulamak-ulamak Nahu Basrah pula menegahnya sama sekali ... ” (Al-Anbārī, 1961 : 2 / 451).

Pendapat daripada ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah ini disokong oleh al-Radīy yang menyatakan bahawa ; “ Pendapat mereka tersebut tidak jauh dari kebenaran ... ” (Ibn al-Hājib, Kitāb al-Kāfiyyat Fi al-Nahw, 1985 : 1 / 335).

Dalam hal ini, Ibn Mālik menyebut :-

وَإِنْ يُفْدَ تَوْكِيدٌ مُنْكَرٌ قَبْلَ وَعَنْ نُحَادَةِ الْبَصَرَةِ الْمُنْتَعِ شَمِيلٌ
(`Abd al-Azīz, Tawdīh al-Nahw, 1992 : 4 / 31).

9) Rāf` al-Fi`l al-Mudāri` [74]

Al-Fi`l al-Mudāri` akan dibaca dengan *nasb* apabila kata kerja tersebut didahului dengan *al-Nasib* dan akan dibaca dengan *jazm* (جَزْمٌ - Jusif) apabila didahului dengan *al-Jazim* (الجَازِمُ - Agen Jusif). Persoalannya, bagaimana pula apabila al-Fi`l al-Mudāri` perlu dibaca dengan *raf* (رَفْ - nominatif) ?

Dalam hal ini ; “ Kebanyakan ulamak Nahu Kufah (kecuali *al-Kisā'iyy*) berpendapat bahawa sebab al-Fi`l al-Mudāri` dibaca dengan *raf* seperti dalam contoh (يَقُولُ زَيْدٌ ، وَيَذْهَبُ عَمْرُو) ialah kerana tiadanya *al-Nasib* dan *al-Jazim* yang mendahuluinya, manakala ulamak-ulamak Nahu Basrah mengatakan sebabnya ialah kerana kata kerja tersebut mengambil tempat *al-ism* (الاسمُ - kata nama) ” (*Al-Anbāriy*, 1961 : 2 / 550).

Menurut *al-Asymūniy* (*Al-Sabbān*, T. T. : 3 / 277), sebab beliau memilih pendapat ulamak-ulamak Nahu Kufah dalam masalah ini ; “ Kerana pendapat tersebut bersih daripada wujudnya *al-naqd* (النقضُ - pertontongan) ”.

Contoh *al-naqd* boleh dilihat dalam pendapat Nahu Basrah yang mengatakan bahawa sebab al-Fi`l al-Mudāri` perlu dibaca dengan *raf* kerana kata

kerja tersebut mengambil tempat kata nama. Sekiranya benar pendapat tersebut, di manakah logiknya al-Fi'l al-Mudāri' dalam contoh-contoh seperti berikut

(جَعَلْتُ أَفْعَلُ ، مَا لَكَ لَا تَفْعَلُ ، رَأَيْتُ الَّذِي تَفْعَلُ) , perlu dibaca dengan raf.

Hal ini kerana kedudukan al-Fi'l al-Mudāri' dalam contoh-contoh di atas tidak boleh diambil alih oleh kata nama.

Dalam hal ini, Ibn Mālik (Al-Šabbān, T. T. : 3 / 277) menyebut :-

ارْفَعْ مُضَارِّعًا إِذَا يُجَرَّدٌ مِنْ نَاصِبٍ وَجَازِمٍ كَتَسْعَةً

10) Adakah al-Fi'l al-Mudāri' Mansūb Dengan " Hattā " ? [83]

Seluruh ulamak nahu bersepakat bahawa al-Fi'l al-Mudāri' wajib dibaca dengan nasb apabila didahului oleh " Hattā " (حَتَّى). Tetapi mereka berselisih

adakah (حَتَّى) atau kalimah lain yang menyebabkan fenomena tersebut.

Menurut al-Anbārīy (1961 : 2 / 597) ; " Ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa (حَتَّى) adalah agen akusatif yang boleh menyebabkan

al-Fi'l al-Mudāri' menjadi mansūb seperti dalam contoh :-

(أطِعْ اللَّهَ حَتَّىٰ يُذْخِلَكَ الْجَنَّةَ ، وَادْكُرْ اللَّهَ حَتَّىٰ تَطْلُعَ الشَّمْسَ) ... Manakala,

ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah pula menganggap (حتى) adalah agen genetif.

Oleh itu, agen yang mengakusatifkan *al-Fi'l al-Mudāri'* ialah (إن) yang tersembunyi selepas (حتى) ”.

11) Ganti Nama Pada Kalimah “ Iyyaka ” dan Yang Seumpamanya [98]

“ Menurut ulamak-ulamak Nahu Kufah, huruf “ Kāf ”, “ Hā’ ” dan “ Yā’ ” pada kalimah-kalimah berikut iaitu (إِيَّاكَ ، وَإِيَّاهَا ، وَإِيَّاهَيْ) adalah ganti nama, sementara “ Iyyā ” (إِيَّا) pula dikenali sebagai ‘imād (عماد - tiang)

Bagaimanapun, ulamak-ulamak Nahu Basrah berpendapat bahawa (إِيَّا) adalah ganti nama, manakala huruf “ Kāf ”, “ Hā’ ” dan “ Yā’ ” pula masing-masing adalah al-harf (الحَرْفُ - iaitu perkataan yang selain daripada kata kerja dan kata nama) dan tidak mendapat tempat dari sudut i'rāb (إِعْرَابٌ - parsing / infleksi) ” (Al-Anbārīy, 1961 : 2 / 695).

Pendapat daripada Aliran Nahu Kufah ini disokong oleh al-Radiy (Al-Sabbān, T. T. : 2 / 13) yang menyatakan bahawa ; “ Pendapat tersebut tidak jauh daripada kebenaran ”.

12) Wazan Kalimah “ Khatayā ” dan Yang Seumpamanya [116]

“ Khatayā ” (خطأ) adalah kata jamak daripada kalimah “ khati’at ” (خطئات). Menurut al-Anbārī (1961 : 2 / 805) ; “ Ulamak-ulamak Nahu Kufah berpendapat bahawa wazan (iaitu neraca yang digunakan untuk mengetahui struktur sesuatu perkataan) kalimah (خطأ) ialah “ fa’ālā ” (فعال) Manakala, ulamak-ulamak Nahu Basrah berpendapat wazan kalimah tersebut ialah “ fa’ā’il ” (فعاليات).

13) Mendahulukan Ma’mūl Ism al-Fi’l Daripada Ism al-Fi’l [27]

Menurut al-Anbārī (1961 : 1 / 228) ; “ Ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa Ism al-Fi’l (اسم الفعل - Kata Nama Perbuatan) seperti (علىك ودونك وعندك), harus didahulukan ma’mūlnya (yakni objeknya)

sebelumnya seperti dalam contoh berikut :-

(زَيْدًا عَلَيْكَ وَعَمْرًا عِنْدَكَ وَبَكْرًا دُونَكَ) , manakala ulamak-ulamak Aliran

Nahu Basrah tidak mengharuskannya ”.

Antara hujah yang dikemukakan oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala (Al-Nisa' : 24) :- (كِتَابَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ) dan serangkap bait puisi yang masyhur :-

يَا أَيُّهَا الْمَاتِحُ دُلُوِي دُونَكَ إِنِّي رَأَيْتُ النَّاسَ يَخْمِدُونَكَ

14) Al-Fi'l al-Mādī Sebagai Ḥal [32]

“ Ulamak-ulamak Nahu Kufah menganggap bahawa al-Fi'l al-Mādī boleh di'rāb sebagai Ḥal (- حَالٌ - Kata Keterangan (Keadaan)), manakala ulamak-ulamak Nahu Basrah (kecuali al-Akhfasy) menegahnya kecuali jika kata kerja tersebut didahului oleh partikel (قَدْ) atau (كَلَّ) yang menjadi sifat kepada suatu yang digugurkan ” (Al-Anbārīy, 1961 : 1 / 252).

Antara hujah yang dikemukakan oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala (Al-Nisa' : 90) :- (أَوْ جَاءُوكُمْ حَصِيرَتْ صَنْدُوزُهُمْ)

dan bait puisi daripada Abū Ṣakhr al-Hudhalīy :-

وَإِنِّي لَتَغْرُوْتِي لِذِكْرِ الْكُفَّارِ
كَمَا انتَقَضَ الْفَصْنُوفُزُ بِاللَّهِ الْقَطْرُ

Pendapat daripada ulamak-ulamak Nahu Kufah ini disokong oleh editor kitab al-Insāf (Al-Anbārīy, 1961 1 / 253) yang berpendapat bahawa ; “ Penentuan partikel (قد) sebelum kata kerja (بِاللَّهِ) dalam bait puisi di atas seperti yang disebut oleh ulamak-ulamak Nahu Basrah tidak mempunyai sebarang bukti ... ”.

15) Mendahulukan Partikel al-Istithnā' di Permulaan Jumlah [36]

“ Mengikut ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah termasuk juga Abū Ishaq al-Zujjāj (dari Aliran Nahu Baghdad), partikel al-Istithnā' (الاستثناء) harus didahulukan di permulaan jumlah seperti dalam contoh :-
(إِلَّا طَعَامَكَ مَا أَكَلَ زَيْدٌ), manakala ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah tidak mengharuskannya ” (Al-Anbārīy, 1961 : 1 / 273).

Ulamak-ulamak Nahu Kufah berhujah berdasarkan beberapa bait puisi,
خَلَّا لَنِّي لِغَنَّاقٍ مِّنَ الْمَطَّلِيَا حَسِينٌ بِهِ فَهُنَّ إِلَيْهِ شُوْشُ :-

وَبَكْدَهُ لَنِّي بِهَا طُورِيٌّ وَلَا خَلَّا أَنْجِنٌ بِهَا إِنْسِيٌّ
dan,

16) Nida' Kepada Kata Nama Yang Mempunyai " Alif Lām " Ma'rīfah [46]

Menurut al-Anbārī (1961 : 1 / 335) ; " Ulamak-ulamak Nahu Kufah mengharuskan nida' - نِيَّادُهُ (seruan) kepada kata nama yang mempunyai " Alif Lām " Ma'rīfah (ال) seperti dalam contoh بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الْغَلَامِ (), manakala ulamak-ulamak Nahu Basrah tidak mengharuskannya ".

Antara hujah yang dikemukakan oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah ialah dua bait puisi yang berikut iaitu :-

فِيَّا الْغَلَامَانِ اللَّذَانِ فَرَا إِيَّا كُمَا أَنْ تَكْسِبَانِي شَرًا
فَدَيْتُكِي بِيَّا الْتِي تَيَمَّتْ قَلْبِي وَأَنْتَ بَخِيلَةٌ بِالْوَدِ عَنِي
dan,

Menurut al-Asymūnīy (Al-Sabbān, T. T. : 3 / 145) ; " Pendapat daripada Aliran Nahu Kufah ini disokong oleh ulamak-ulamak Nahu Baghdad (yakni disokong oleh Aliran Nahu Baghdad) ".

4.3 Aliran Nahu Baghdad

Menurut buku " al-Mu'jam al-Mufassal Fi al-Lughah Wa al-Adab " (1987 : 2 / 1130) ; " Ilmu nahu lahir dan berkembang seterusnya menjadi matang dan kukuh di tangan ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah. Dalam hal ini, Aliran Nahu Basrah mendapat populariti yang lebih di samping

persaingan yang hebat daripada Aliran Nahu Kufah.

Ketika mana Aliran Nahu Kufah dikepalai oleh Tha'lab dan Aliran Nahu Basrah diketuai oleh al-Mubarrid, kedua-dua ulamak nahu tersebut telah berpindah ke Baghdad untuk belajar. Semasa di Baghdad, banyak berlaku konflik dan perdebatan antara kedua-dua ulamak tersebut. Perdebatan-perdebatan tersebut telah diikuti oleh ulamak-ulamak Baghdad dan mereka memilih mana-mana pendapat yang sesuai pada pandangan mereka sama ada dari Aliran Nahu Kufah atau pun dari Aliran Nahu Basrah. Dengan itu, terbentuklah Aliran Nahu Baghdad yang lahir berdasarkan prinsip pemilihan dan penilaian terhadap kedua-dua aliran nahu tersebut.

Aliran Nahu Baghdad mula menampakkan methodnya yang tersendiri apabila bermulanya kurun ke-4 Hijrah. Method yang dimaksudkan bukannya dari sudut dasar atau kaedah penghujahan tetapi method yang didasarkan kepada penilaian dan ulasan-ulasan yang kadang-kadang cenderung kepada Aliran Nahu Kufah dan dalam banyak keadaan memihak pula kepada Aliran Nahu Basrah. Hal ini kerana ulamak-ulamak Nahu Baghdad mendapati dasar-dasar ilmu nahu serta kaedah-kaedah dan istilah-istilah yang digunakan telah pun lengkap di sisi ulamak-ulamak Nahu Basrah dan Nahu Kufah, justeru itu yang tinggal lagi hanyalah ulasan-ulasan kepada kaedah-kaedah tersebut.

Antara ulamak Nahu Baghdad yang masyhur ialah al-Zujjajiy, Abu 'Ali al-Farisiy, Ibn Jinniy, al-Zamakhsyariy, Ibn al-Anbariy, al-'Akbariy, Ibn Ya'isy dan al-

Radiy al-Istarabadiy ”.

Menurut Muhammad al-Tantawiy (1987 : 109), Aliran Nahu Baghdad mula merosot setelah kerajaan ‘Abbasiyyat dikuasai oleh Bani Buwayh pada pertengahan kurun ke-4 Hijrah. Zaman kemerosotan ini dianggap sebagai tahap pemisah antara golongan al-Mutaqaddimin (ulamak-ulamak nahu yang terdahulu) dengan golongan al-Muta’akhhirin (ulamak-ulamak nahu yang terkemudian).

4.3.1 Persetujuan Aliran Nahu Baghdad Terhadap Aliran Nahu Kufah

Di samping mengemukakan pendapat-pendapatnya sendiri, Aliran Nahu Baghdad juga dalam keadaan-keadaan tertentu memihak kepada Aliran Nahu Kufah yakni menyokong pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh ulamak-ulamak Nahu Kufah. Antara persetujuan Nahu Baghdad terhadap Nahu Kufah seperti yang dinyatakan oleh Muhammad al-Tantawiy (1987 : 146) adalah seperti berikut :-

- 1) Ism al-Masdar (اسم المصدر) yang berfungsi seperti mana al-fi’l (lihat 4.3.1.1, nombor 4).
- 2) Perkataan (بِنْ) yang boleh memberi makna istithna’. Perkara yang sama juga disebut oleh al-Muradīy (Al-Jānā al-Dāniy, 1992 : 425) yang menambah bahawa ; “ Ulamak-ulamak Nahu Kufah dan Nahu Baghdad mengharuskan kata nama selepas perkataan (بِنْ) dibaca dengan nasb seperti dalam contoh berikut :-

(أَكْرَمْتَ الْعَيْنَ بِلِهِ الْأَخْرَارِ) yang bermaksud :-

(إِنَّ إِكْرَامَكَ الْأَخْرَارَ يَرِيدُ عَلَى إِكْرَامِكَ الْعَيْنِ)

Pendapat ini turut disokong oleh Ibn Hisyām (Mughnī al-Labib, 1987 : 1 /

115) yang menyatakan bahawa perkataan (بِلِهِ) juga kadang-kadang digunakan

dalam bentuk majrūr (- مَجْرُورٌ - genetif) dengan partikel (مِنْ) yang memberi makna istithnā'.

3) Al-Mustathnā (المستثنى) - Kata Yang Dikecualikan) yang mendahului al-

Mustathnā Minh (المستثنى منه) - Kata Rujukan al-Mustathnā) dalam sesuatu

ayat boleh dibaca berdasarkan hukum bacaan al-Mustathnā Minh. Oleh itu, al-Mustathnā Minh tersebut adalah Badal kepada al-Mustathnā yang sebelumnya seperti contoh berikut :- (مَا جَاءَنِي إِلَّا زَيْدٌ أَحَدٌ).

4) Pengharusan nida' kepada kata nama yang mempunyai " Alif Lam " Ma'rifa

tanpa menggunakan lafaz (أي) atau Ism al-Isyarat (اسم الإشارة) - Kata

Tunjuk) (lihat 4.1.1, nombor 16).

5) Kata nama al-Manqūs (المَنْقُوسُ) - yakni kata nama yang diakhiri dengan huruf " Ya' " yang tidak berganda dan didahului dengan huruf yang berbaris kasrat) tidak boleh dibaca dengan tanwīn (baris dua) beserta al-fath (الفتح - baris satu diatas) ketika dalam keadaan genetif.

Sokongan ulamak-ulamak Nahu Baghdad terhadap Nahu Kufah ini dinyatakan oleh Ibn Ya'isy (Syarḥ al-Mufassal, T. T. : 1 / 64) berdasarkan bait puisi daripada al-Farazdaq berikut :-

وَلَوْ كَانَ عَنْدَ اللَّهِ مَوْتَىٰ هَجَوْتُهُ وَلَكِنْ عَنْدَ اللَّهِ مَوْتَىٰ مَوَالِيَا

6) Al-'Adad (العَدَاد - Kata Bilangan) mengikut lafadz kata jamak. Oleh itu, mereka menyebut (ثَلَاثَةٌ حَمَامَاتٍ), bukannya (ثَلَاثَ حَمَامَاتٍ) (lihat juga, al-Sabbān, T. T. : 4 / 61).

Perlu juga disebut di sini, al-Anbārī iaitu salah seorang ulamak Nahu Baghdad di dalam kitab al-Inṣāf beliau tersebut, beliau telah secara terbuka menyokong pendapat ulamak-ulamak Nahu Kufah pada tujuh contoh

pertelingkahan termasuk contoh pertelingkahan dalam 4.1.1, nombor 5 sebelum ini (Muhammad al-Tantawī, 1987 : 123).

4.4 Aliran Nahu Andalus

Menurut buku “ al-Mu’jam al-Mufassal Fi al-Lughat Wa al-Adab ” (1987 : 2 / 1128) ; “ Setelah agama Islam memasuki bumi Andalus, penduduk-penduduk Andalus mula mempelajari bahasa Arab. Hal ini bagaimanapun berlaku setelah kajian mengenai nahu Arab telah pun bertapak kukuh di timur yakni Basrah, Kufah dan Baghdad. Kebanyakan ulamak Andalus adalah ahli qiraat. Mereka berhijrah ke timur untuk mempelajari qiraat dan kembali semula ke Andalus untuk mengajar.

Oleh kerana mereka menerima pakai qiraat, ulamak-ulamak Nahu Andalus pada peringkat awalnya lebih cenderung kepada Aliran Nahu Kufah berbanding Aliran Nahu Basrah. Jawdiy bin ‘Uthmān al-Mawrawī yang berhijrah ke timur untuk berguru dengan al-Kisā’iy dan al-Farrā’ dianggap ulamak Nahu Andalus yang terulung. Beliaulah orang yang mula-mula membawa masuk buku-buku ulamak-ulamak Nahu Kufah ke Andalus.

Walau bagaimanapun, penguasaan Aliran Nahu Kufah ini tidaklah lama kerana ulamak-ulamak Nahu Andalus mula mengalah kepada Aliran Nahu Basrah khususnya apabila Kitāb Sibawayh mula mendapat tempat yang utama dari segi pembelajaran, penghafalan, syarahan dan ulasan.

Ulamak-ulamak Nahu Andalus mengikut method ulamak-ulamak Nahu Baghdad dalam prinsip membuat pemilihan terhadap pendapat-pendapat ulamak-ulamak Nahu Kufah dan Nahu Basrah. Di samping itu, mereka juga membuat pemilihan terhadap pendapat-pendapat ulamak-ulamak Nahu Baghdad khususnya pendapat-pendapat Abū ‘Alī al-Fārisīy dan Ibn Jinnīy. Bukan setakat itu sahaja, malah mereka turut mengenengahkan pendapat-pendapat mereka sendiri di samping banyak membuat ulasan terhadap pendapat-pendapat yang sebelumnya.

Antara tokoh utama aliran nahu ini ialah Muḥammad bin Yahyā al-Rabāhiy, Abū Bakr al-Zubaydiy, Ibn al-Tarāwat, Ibn Maḍā’ al-Qurtubiyy, Ibn Kharūf, Ibn Hisyām al-Khadrawīy, Ibn ‘Uṣfūr dan Ibn Mālik, pengarang kitab al-Alfiyyat iaitu kitab nahu yang paling masyhur yang telah dapat menguasai method dan hala tuju pengajian nahu sehingga ke hari ini ”.

Menurut Muḥammad al-Tantawiy (1987 : 171 - 172) ; “ Prinsip-prinsip Aliran Nahu Andalus mula timbul pada permulaan kurun yang ke-5 Hijrah yang dianggap zaman bermulanya era kebangkitan nahu di wilayah tersebut ... dan mencapai kemuncak kegemilangan pada kurun yang ke-7 Hijrah ”.

4.4.1 Ibn Mālik

Memandangkan Ibn Mālik adalah ulamak Aliran Nahu Andalus yang paling menonjol dan kitab al-Alfiyyatnya telah dapat menguasai kajian nahu sehingga ke hari ini, adalah elok untuk kita melihat secara ringkas siapakah Ibn Mālik di samping melihat pendapat-pendapat beliau yang memihak kepada Nahu Kufah.

Menurut Muhammad al-Tantawiy (1987 : 202) ; “ Nama sebenar Ibn Malik ialah Abu ‘Abdullah Muhammad Jamaluddin bin ‘Abdullah al-Ta’iy. Beliau dilahirkan di Jayyan iaitu sebuah tempat di negeri Andalus. Sebelum berhijrah ke Syām beliau berguru dengan al-Syalubiniy. Ketika di Damsyik, beliau berguru dengan al-Sakhawiy dan berguru pula dengan Ibn Ya’isy ketika berada di Halab

Ibn Malik menggunakan ayat-ayat suci al-Quran sebagai hujah utama beliau dalam pembuktian kaedah-kaedah nahu. Sekiranya tidak ada ayat al-Quran yang boleh dijadikan hujah, beliau akan beralih pula kepada hadith dan seterusnya puisi-puisi Arab Ibn Malik telah mengarang berbagai-bagai buah buku sama ada dalam bentuk *nazm* (yakni puisi) atau prosa. Karangan-karangan beliau ini membuktikan ketinggian beliau dalam ilmu nahu berbanding ulamak-ulamak yang sebelumnya.

Antara karangan beliau dalam bentuk *nazm* ialah “ *al-Kafiyyat al-Syafiyat* ” dan “ *al-Alfiyyat* ” iaitu ringkasan kepada *al-Kafiyyat*. Kitab *al-Alfiyyat* beliau ini amat masyhur di seluruh wilayah Islam pada masa itu sehingga telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan mendapat ulasan atau syarahan yang begitu meluas sekali. Antara kitab yang dikarang berdasarkan syarahan ke atas *al-Alfiyyat* beliau ialah *Syarḥ Ibn al-Nāzim*, *Syarḥ al-Murādiy*, *Syarḥ Ibn ‘Aqil* dan *Syarḥ al-Asymūniy* Manakala kitab beliau dalam bentuk prosa antaranya ialah *al-Fawā’id* dan *Tashīl al-Fawā’id Wa Takmīl al-Maqāsid* Ibn Malik meninggal dunia pada tahun 672 Hijrah di Damsyik ”.

4.4.1.1 Persetujuan Ibn Malik Terhadap Aliran Nahu Kufah

Merujuk kepada kitab al-Alfiyyat dan Syarh al-Tashil oleh Ibn Malik, terdapat banyak kaedah nahu yang disusun oleh beliau yang memihak kepada Aliran Nahu Kufah. Selain daripada apa yang telah disebutkan sebelum ini (lihat 4.1.1, nombor 2, 3, 4, 8 dan 9), antara kaedah nahu tersebut ialah seperti berikut :-

1) Keharusan 'Atf al-Bayan dan Matbu'nya Dalam Bentuk Nakirat

Menurut fakta yang dicatatkan oleh 'Abd al-'Aziz Muhammad Fakhir dalam Tawdih al-Nahw (1992 : 4 / 39) ; " Kebanyakan ulamak nahu menegah 'Atf al-Bayan (عَطْفُ الْبَيَان) dan matbu'nya (yakni kata nama yang sebelumnya) dalam bentuk nakirat Manakala ulamak-ulamak Nahu Kufah dan sebahagian ulamak yang lain termasuk Ibn Malik mengharuskannya ".

Antara hujah yang dikemukakan oleh mereka ialah firman Allah Ta'ala (Al-Nur : 35) : (يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُّهَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ) :- dan firman-Nya lagi (Ibrahim : 16) : (فَيَسْقى مِنْ مَاءٍ صَنَدِيدٍ).

Pendapat Aliran Nahu Kufah ini turut disokong oleh Ibn Hisyam (Syarh Qatr al-Nada' Wa Ball al-Sada', 1963 : 298) yang menyatakan bahawa ;

“ Kebanyakan ulamak nahu menegah ‘Atf al-Bayan dalam bentuk nakirat, tetapi pendapat yang sahih adalah harus ”.

Dalam hal ini, Ibn Malik menyebut :-

فَأُولئِنَّهُ مِنْ وِفَاقِ الْأُوَلِيِّ مَا مِنْ وِفَاقِ الْأُوَلِيِّ لِتَغْتُرِبُ

فَقَدْ يَكُونَنَّ مُنْكَرِينَ كَمَا يَكُونَنَّ مُعَرِّفِينَ

2) Pengguguran Harf al-Nida' Terhadap Ism al-Jins dan Ism al-Isyarat

Menurut fakta dalam buku yang sama seperti di atas (1992 : 4 / 78) ; “ Ulamak-ulamak Aliran Nahu Basrah menegah pengguguran harf al-nida' yang ditujukan kepada Ism al-Jins (اسم الجنس) - Kata Nama Keterangan Jenis) dan Ism al-Isyarat, manakala ulamak-ulamak Aliran Nahu Kufah mengharuskannya ... ”.

Antara hujah ulamak-ulamak Nahu Kufah dalam hal ini ialah firman Allah Ta'ala (Al-Baqarat : 85) :- (يَا هُوَالَّا إِنْ أَنْتُمْ هُوَلَاءِ تَقْتَلُونَ أَنْفُسَكُمْ) yakni

(اصْبِرْ يَا لَيْلُ) yakni (اصْبِرْ لَيْلُ) dan ungkapan orang-orang Arab :-

Hal ini ditegaskan oleh Ibn Malik dalam al-Alfiyyatnya iaitu :-

وَغَيْرُ مَنْدُوبٍ وَمُضْنِمٍ وَمَا جَاءَ مُسْتَفْلًا لَذُلْ يُعْرِى فَاعْلَمَا

وَذَلِكَ فِي اسْمِ الْجِنْسِ وَالْمُشَارِ لَهُ قَلْ وَمَنْ يَمْتَعُ فَانْصُرْ عَازِلَةً

3) Pemisahan Antara Mudāf dan Mudāf Ilayh

Menurut fakta yang dicatatkan oleh Muhammad al-Tantawiy (1987 : 114) pula ; “ Ulamak-ulamak Nahu Kufah mengharuskan pemisahan antara Mudāf dan Mudāf Ilayh dengan yang bukan daripada zarf (- ظَرْفٌ - yakni kata yang menunjukkan kepada masa atau tempat) dan harf al-jarr ”.

Antara hujah yang dikemukakan oleh mereka ialah firman Allah (Al-An'ām : 137) (وَكَذَلِكَ زَيْنَ لِكَثِيرٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ قُتْلُ أَوْ لَدْنُمْ شُرْكَائِهِمْ) iaitu mengikut qiraat Ibn 'Amir. Pendapat ini turut disokong oleh al-Sabbān (T. T. : 3 / 276).

Dalam hal ini Ibn Ma'lik menyebut :-

فَصَلَّ مُضَافٍ شِبَهٌ فِعْلٍ مَا نَصَبَ مَنْعُولًا أَوْ ظَرْفًا أَجِزٌ وَلَمْ يَعْبَ (Lihat, Ibn 'Aqil, 1988 : 77).

4) Ism al-Masdar Yang Berfungsi Sebagaimana al-Fi'l

Menurut Muhammad al-Tantawiy lagi (1987 : 114) ; "Hujah ulamak-ulamak Nahu Kufah yang mengatakan bahawa Ism al-Masdar boleh berfungsi sebagaimana al-fi'l sememangnya banyak. Antaranya, sabda Rasulullah s.a.w. :-

(مِنْ قُبْلَةِ الرَّجُلِ امْرَأَتُهُ الْوَضْنُونُ) dan bait puisi daripada al-Qutamiy :-

اَكُفَّرَا بَعْدَ رَدِّ الْمُؤْنَتِ عَنِّي وَبَعْدَ عَطَائِكَ الْمِائَةَ الرَّسَاعَةِ

Oleh itu, Ibn Malik menyatakan dalam al-Alfiyyatnya :-

* وَ لِاسْمِ مَصْنُورٍ عَنِّي *

Menurut Ibn Hisyām (Syarh Syudhūr al-Dhahab, T. T. : 412), pendapat di atas turut disokong oleh ulamak-ulamak Nahu Baghdad.

Walaupun pendapat-pendapat Ibn Malik di atas adalah pendapat peribadi beliau, namun memandangkan beliau adalah ulamak Aliran Nahu Andalus yang paling masyhur dan menonjol sekali, bolehlah kita anggap pendapat beliau tersebut pendapat aliran ini secara umumnya.